

19 JUL 2004

ULANGAN S'pura-Penyerahan/I (Laporan Khas)

MENANGANI ISU S'PURA-KL DALAM AGENDA LEE: PENGANALISIS

(menggantikan perkataan berlarutan kepada tertangguh)

SINGAPURA, 19 Julai (Bernama) -- Salah satu cabaran besar Lee Hsien

Loong apabila beliau mengambilalih sebagai Perdana Menteri baru Singapura

bulan depan ialah menangani isu tertangguh dengan negara jiran Malaysia,

kata penganalisis.

Mereka berkata hubungan antara kedua-dua negara itu bertambah baik

sejak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambilalih sebagai Perdana Menteri Malaysia daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada Oktober lepas.

Sejak itu, Abdullah telah mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri

Singapura Goh Chok Tong tiga kali yang membincangkan secara terbuka mengenai beberapa pertikaian yang berlarutan dengan republik pulau itu dan

bukan mengemukakannya kepada mahkamah antarabangsa.

Sabtu lepas, Goh, 62, mengumumkan bahawa beliau akan menyerahkan jawatan Perdana Menteri itu kepada Timbalannya pada 12 Ogos ini, menamatkan

pucuk pimpinan selama 14 tahun beliau selepas menggantikan ayah Hsien

Loong, negarawan Lee Kuan Yew pada 1990.

Hsien Loong, 52, yang bakal menjadi Perdana Menteri ketiga Singapura

yang telah mencapai kemerdekaan 39 tahun lepas, telah menghabiskan masa

lebih 13 tahun sebagai Timbalan Goh serta juga sebagai Menteri Kewangan dan

ketua bank pusat negara itu.

Pakar ekonomi DBS Bank Dr Hak Bin Chua berkata cabaran Lee apabila

mengambilalih jawatan itu ialah memperbaiki hubungan Singapura dengan jiran

terdekat, khasnya Malaysia, dan " mencapai penyelesaian terhadap sesetengah

isu-isu yang tertangguh".

"Saya fikir sebarang perubahan, sesetengah isu lama boleh diselesaikan

dan idea baru mungkin ada," kata beliau memberitahu Bernama.

Kedua-dua negara mempunyai hubungan yang teruji sejak Singapura meninggalkan persekutuan Malaysia pada 1965 dengan hubungan agak renggang

disebabkan beberapa isu yang belum ditangani, sejak tempoh penjajahan

British lagi.

Mereka telah mengemukakan kes di Tribunal Antarabangsa bagi Undang-undang Laut mengenai kerja-kerja penambakan tanah yang dijalankan Singapura di perairan antara kedua-dua sempadan negara itu, yang kini sedang dipertimbangkan oleh mahkamah itu.

Punca-punca hubungan renggang lain termasuk harga air Malaysia yang dibekalkan kepada Singapura, cadangan membina sebuah jambatan menghubungkan kedua-dua negara, menggunakan ruang udara Malaysia oleh pesawat tentera Singapura dan pemilikan Pulau Batu Puteh.

Pada 9 Nov tahun lepas, Lee telah mengatakan bahawa tidak akan ada penyelesaian muktamad terhadap masalah itu yang menyebabkan hubungan renggang tetapi percaya kedua-dua negara masih lagi boleh bekerjasama sungguhpun mereka mempunyai perbezaan pendapat.

Lee berkata: "sistem politik kita, nilai sosial dan cara-cara masyarakat kita bekerja adalah berlainan. Bagaimanapun, kita mestilah mencari satu asas sama dan peluang untuk bekerjasama walaupun dalam keadaan yang kompleks. Saya percaya ia boleh dilakukan."

"Saya fikir kita akan terus bekerjasama ke arah menangani masalah kita.

Tidak ada penyelesaian muktamad, tambah Lee.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Datuk Zainal Abidin Osman memberitahu Parlimen awal minggu ini bahawa perubahan dalam kepimpinan Singapura mungkin membantu menangani isu-isu dua hala yang tertangguh dengan Malaysia.

Kepimpinan baru itu mungkin ada pendekatan baru terhadap isu itu.

"Hubungan itu bertambah baik dan kita hendaklah bersabar apabila berunding mengenai pelbagai isu, kata beliau.

Beliau juga mengatakan bahawa hubungan telah bertambah baik berikutan lawatan Perdana Menteri Malaysia dan anggota pentadbiran beliau.

Pengarah Pengajian Asia Tenggara (Iseas) di sini, K. Kesavapany berkata: "Dalam keadaan tenang sekarang, adalah lebih baik bagi kedua-dua pihak menangani isu tertangguh itu secara diam-diam."

"Keadaan sekarang lebih positif. Tidak ada lagi pertikaian dan ada usaha yang lebih gigih bagi mendengar pandangan antara mereka, " kata Kesavapany, yang juga bekas Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia.

Pengerusi Institut Hal Ehwat Antarabangsa Singapura (SIIA) Simon

Tay

Seong Chee berkata: "Mesti bertepuk dua belah tangan. Kita jangan bergantung kepada keperibadian seseorang itu. Apa yang penting ialah asas

kukuh untuk bekerjasama yang sudah terjalin."

"Keadaan sekarang lebih mesra berbanding semasa hubungan renggang, dan

saya percaya, keyakinan ini perlu diteruskan," kata Tay.

Mengenai bidang ekonomi, Tay berkata bahawa kerjasama antara kedua-dua

pihak hendaklah berdasarkan kepada asas dan bukan politik. "

Buangkanlah

halangan itu dahulu."

Awal bulan ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia

Datuk Seri Rafidah Aziz menyeru kedua-dua negara berjiran itu untuk membuang masalah yang ada dan meningkatkan lagi hubungan kerjasama ekonomi

yang sedia ada.

"Kita (hendaklah) menjaga enititi kita berasingan, tetapi kita (hendaklah) menghargai hubungan yang telah wujud selama ini tanpa menghadapi masalah berlarutan ini sehingga ke generasi sekarang, yang tidak mengetahui apa sebenarnya," kata Rafidah semasa lawatan beliau di sini.

Retorik yang mesra - yang dikatakan oleh George Yeo Yong Boon, rakan

sejawatannya dari Singapura - adalah bukti kepada hubungan dua hala telah

meningkat.

Sambil merayu kepada "sahabat kita di sebelah Tambak Johor" - hubungan

sempit antara kedua-dua buah negara, kata Yeo: "Terdapat kehendak politik

yang kuat untuk memperbaiki lagi hubungan dua hala, terutamanya hubungan

ekonomi."

Komen menteri itu yang dianggap menggalakkan ialah apabila Singapura

dan Kuala Lumpur menubuhkan dana RM10 juta untuk membenarkan syarikat dari

kedua-dua pihak mengadakan misi perdagangan antarabangsa bersama.

Destinasi

pertama ialah lawatan dua hari ke Indonesia bulan depan.

Kedua-dua pihak juga berkata mereka telah menubuhkan majlis perniagaan

dua hala.

Sungguhpun ragam hubungan rasmi mereka, Singapura dan Malaysia merupakan rakan perdagangan dan pelaburan yang penting. Beratus-

ratus orang

menyeberangi tambak itu untuk bekerja di negara bandaraya kecil

berkenaan.

Ahli Ekonomi Rantau di G.K. Goh brokerage, Song Seng Wun berkata tidak ada kerjasama hubungan ekonomi dan perniagaan besar daripada kedua-dua agensi kerajaan dan sektor swasta tahun ini.

Song, yang telah terlibat dengan mesyuarat dan seminar peringkat tinggi membabitkan kedua-dua pihak dalam sektor automotif, berkata wakil dari Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) dan vendor Malaysia berada di sini baru-baru ini bagi meninjau peluang perniagaan.

Sebagai tindakan susulan, wakil dari syarikat kepersisan kumai Singapura akan berada di Kuala Lumpur bulan depan untuk melawat Proton dan Perodua, kata beliau.

Song berkata, dengan Kawasan Bebas Perdagangan Asean (Afta) akan dikuatkuasakan, peluang banyak bagi sektor swasta Malaysia dan Singapura untuk mengadakan kerjasama 'menang-menang' dalam sektor automotif.

"Hubungan sedang berjalan dan memerlukan usaha banyak daripada kedua-dua pihak untuk bekerjasama," kata beliau.

Beliau juga memberikan contoh seperti cadangan perdagangan silang yang menghubungkan antara Bursa Singapura (SGX) dan Bursa Malaysia sebagai "satu permulaan hubungan yang lebih praktikal."

Dengan kedua-dua ekonomi melantun, menambahkan lagi faktor untuk Singapura dan Malaysia lebih bekerja rapat.

Hubungan erat antara kedua-dua negara berjiran sejak awal tahun ini menyaksikan lebih banyak perjanjian perniagaan antara firma Malaysia dan Singapura.

Pada Mac tahun ini, badan pelaburan utama kerajaan Malaysia, Khazanah Nasional Bhd menjual lima peratus kepentingan dalam Telekom Malaysia Bhd kepada Temasek Holdings Ltd, badan pelaburan kerajaan Singapura.

Ini merupakan kali pertama, satu syarikat yang dimiliki kerajaan Singapura mampu membeli aset yang dikuasai kerajaan Malaysia, dan membabitkan sebuah syarikat yang terbesar dalam modal pasaran pada Bursa Saham Kuala Lumpur yang kini dikenali Bursa Malaysia.

Pada 2000, kerajaan Malaysia menolak bida Singapore Telecommunications Ltd (Singtel), yang juga dikuasai Temasek untuk kepentingan dalam satu firma telekomunikasi, Time DotCom.

Laporan akhbar menyatakan Temasek dipercayai berminat kepada

Alliance

Bank dan juga menimbang untuk mengambilalih Malaysian Plantations Bhd

(Mplant) yang memiliki Alliance.

Ini merupakan langkah pertama Temasek dalam sektor perbankan Malaysia

dan sebarang pengambilalihan milik akan tertakluk kepada kelulusan Bank

Negara.

"Kita sedang memerhatikan bida Temasek bagi Mplant, yang merupakan satu

perpindahan dalam hubungan peringkat tertinggi. Penawaran itu adalah satu

ujian untuk syarikat lain bagi mewujudkan kedai di KL," kata Song.

-- BERNAMA

SS BK